

PERBARISAN BULANAN KETUA SKUADRON BANTUAN OPERASI MAJLIS PEMAKAIAN PANGKAT

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3304-perbarisan-bulanan-ketua-skuadron-bantuan-operasi-dan-pemakaian-pangkat-2

GONG KEDAK, 9 Apr 18 - Perbarisan Bulanan Ketua Skuadron Bantuan Operasi telah diadakan di Perkarangan Flait Bomba Pangkalan Udara Gong Kedak. Perbarisan dihadiri 8 Pegawai dan 58 Anggota Lain-lain Pangkat yang diketuai Mej Azli bin Wahab TUDM dan Pegawai Waran Perbarisan PW U II Zahari bin Che Soh. Dalam majlis tersebut Ketua Skuadron Bantuan Operasi, Lt Kol Hj Khalid bin Hamzah TUDM juga telah menyempurnakan pemakaian pangkat kepada 3 anggota Lain-lain Pangkat iaitu Sarjan Udara Abdul Mua'in bin Abdul Kadir dan Sarjan Udara Azizan bin Abd Manan dinaikkan pangkat ke Pemangku Flait Sarjan dan Koperal Udara Wan Norhisyam bin Wan Yusoff dinaikkan pangkat ke Pemangku Sarjan Udara. Selesai majlis tersebut turut diadakan Solat Dhuha berjemaah dan Tahlil serta pemberian cenderahati kepada anggota yang baru berkahwin.



